

Universiti HELP raih tiga emas taekwondo

KUALA LUMPUR 3

Feb. - Universiti HELP memulakan kempen Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2018 dengan cemerlang apabila menggondol tiga daripada lima pingat emas yang ditawarkan dalam acara taekwondo, hari ini.

Dalam saingan yang berlangsung di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi itu, ketiga-tiga emas tersebut diraih menerusi acara *poomsae* berpasukan lelaki dan wanita serta *poomsae* individu wanita.

Gandingan Loke Wai Loong, Low Hong Jac dan Goh Zheng Yang merampas pingat emas *poomsae* berpasukan lelaki daripada juara bertahan, Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang menurunkan kombinasi muda, Bernicel Berhard Megol, Song Lubiao serta Dominic Sew Khai Yuan.

Universiti HELP mempamerkan persembahan lebih mantap untuk mengumpul 7.1, manakala gandingan UMS mencatat 7.04 mata. Gangsa dimenangi Universiti Teknikal Melaka (UTeM) yang diwakili Toriq Abdul Aziz, Muhammad Amer Danish dan Muhammad Faiz dengan 6.8 mata.

"Kami gembira dengan pencapaian setakat ini, namun belum selesai. Kami berharap atlet Universiti HELP yang lain akan turut menyumbangkan emas dalam acara masing-masing," kata Hong Jac.

Dalam saingan berpasukan wanita, kombinasi Yap Khim Wen, Liew Shwu-Jenn dan Liew Shwu Tinn menampilkan aksi mantap untuk mencatat 7.33 mata, mengetepikan trio UMS, Cheong Pui Yien, Helena A'an Lisu dan Nurifa Husna (6.65). Gangsa diraih Universiti Sains Malaysia (USM).

Seperti dijangka, atlet kebangsaan, Khim Wen yang juga juara bertahan serta atlet



Sukan SEA 2017 menyumbang emas peribadi keduanya dalam saingan individu dengan mengumpul 7.94 mata.

Khim Wen menewaskan atlet UPM, Chew Pek Wen (7.69 mata) dan Cheong Pui Kei dari UMS.

Hasrat juara bertahan dan pemenang pingat emas *poomsae* individu lelaki dalam tiga edisi SUKIPT, Ahmady Radi dari UMS untuk mempertahankan gelaran berkubur selepas kalah kepada peserta Universiti Monash, Yong Jin Kun.

Begitupun, Ahmady menebus kehampaan dengan menyumbang emas sulung untuk UMS dalam berpasukan campuran bersama Ifa Husna Saiful.

Sementara itu, pemegang rekod kebangsaan acara memanah *recurve* wanita, Nur Aqilah Yusof tidak berdepan masalah untuk menyumbang pingat emas sulung buat Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Aqilah yang juga atlet Sukma Malaysia Terengganu mencatat 581 mata untuk mengetepikan pemanah Universiti Putra Malaysia (UPM), Ang Ming Shan. Gangsa milik Shaerra Ezzaty Saffuan daripada Universiti Sultan Zainal Abidin, (UniSZA) untuk pingat gangsa.

Dalam saingan *recurve* lelaki, Mohd. Alif Adha Hassan menepati ramalan dengan menghadiahkan emas pertama buat UPM selepas mengetepikan tentangan sengit pemanah Kolej Komuniti Malaysia, Mohamad Amir Imran. Pingat gangsa dimenangi seorang lagi atlet UPM, Nazir Omar.